

Headline	Ambil tiga suntikan vaksin		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	16	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,707
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,122



Ambil tiga suntikan vaksin

KUANTAN - Bakal haji pada musim ini perlu mendapatkan tiga jenis suntikan vaksin iaitu meningitis, pneumonia dan influenza sebelum berangkat ke tanah suci berikutan penularan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-Cov) di Arab Saudi dan penyakit Virus Ebola (EVD) di Afrika Barat sejak kebelakangan ini.

Pengurus Besar Lembaga Tabung Haji (TH), Zulkarnain Asmawi berkata, TH mencadangkan suntikan itu dilakukan dua minggu sebelum berangkat.

Menurutnya, suntikan itu harus diambil secara satu persatu sebagai langkah pencegahan daripada dijangkiti virus berkenaan.

"Selain suntikan itu, setiap bakal jemaah haji diingatkan supaya menjaga atas kebersihan diri masing-masing walaupun pihak TH sentiasa melakukan pemantauan kesihatan terhadap 22,320 jemaah haji pada kali ini.

"Suntikan vaksin bagi membendung penularan penyakit dan hendaklah lengkap se-

belum ke sana," katanya selepas Majlis Perasmian dan Penutupan Kursus Perdana Haji Musim 1435 peringkat negeri di Masjid Negeri Sultan Ahmad I, semalam.

Hadir merasmikan majlis tersebut ialah Exco Pahang, Datuk Syed Ibrahim Syed Ahmad.

Pada kursus itu, seramai 1,200 bakal jemaah haji dari negeri ini diberikan pendedahan melaksanakan ibadat haji melalui latihan amali secara simulasi seperti bertawaf, saie, melontar jamrah serta amalan-amalan secara berkumpulan.

Sementara itu, Syed Ibrahim berkata, bakal-bakal jemaah haji perlu mematuhi semua arahan, peraturan dan panduan keselamatan yang telah ditetapkan kerajaan Arab Saudi dan TH semasa berada di sana.

"Sekiranya ada sebarang kesulitan hendaklah meminta pertolongan dengan pegawai-pegawai dan petugas TH agar permasalahan dapat diselesaikan dengan segera," katanya.



Sebahagian bakal jemaah haji melakukan latihan amali tawaf pada kursus perdana haji.